




HADIS 40

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Memahami konsep Hadis 40:** Peserta akan memperoleh pemahaman mengenai Hadis 40 termasuk sejarah penyusunan, latar belakang pengarangnya serta peranan Hadis 40 dalam tradisi hadis Islam.
- b) **Mengenalai hadis-hadis utama dalam agama Islam:** Peserta akan mengenali dan mempelajari teks-teks Hadis 40 yang paling terkenal, memahami konteks dan makna setiap hadis serta aplikasinya dalam kehidupan seharian.
- c) **Menghayati pengajaran Hadis 40:** Peserta akan mengkaji dan memahami pengajaran moral, etika dan hukum yang terkandung dalam Hadis 40 serta implikasinya terhadap amalan hidup.
- d) **Mengaplikasikan hadis dalam kehidupan:** Peserta akan mempelajari cara-cara untuk mengaplikasikan pengajaran Hadis 40 dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat serta mengintegrasikan nilai-nilai hadis dalam tindakan sehari-hari.
- e) **Menilai kepentingan Hadis 40 dalam agama Islam:** Peserta akan menilai kepentingan Hadis 40 dalam memahami syariat Islam secara menyeluruh serta peranannya dalam memperkuat iman dan amalan dalam masyarakat Muslim.

Mukadimah Hadis 40


Ramai ulama yang telah menyusun pelbagai karya yang memuatkan 40 buah hadis Nabi SAW. Sedemikian banyaknya ulama yang menyusunnya sehinggakan buku seumpama ini tidak terhitung jumlahnya.

Imam al-Nawawi sendiri menulis bahawa antara yang terawal menyusun hadis ini sebagaimana yang beliau tahu ialah Abdullah bin al-Mubarak, kemudian Muhammad bin Aslam al-Tusi, al-Hasan bin Sufyan al-Nasawi, Abu Bakr al-Ajurri, Abu Bakr Muhammad bin Ibrahim al-Asbahani, al-Daraqutni, al-Hakim, Abu Nu'aim, Abu Abdul Rahman al-Sulami, Abu Sa'id al-Malini, Abu Usman al-Sabuni, Abdullah bin Muhammad al-Ansari, Abu Bakr al-Baihaqi dan ramai lagi yang tidak terhitung bilangannya daripada generasi *mutaqaddimin* dan *mutaakhirin*.

Ada ulama yang mengumpulkan 40 hadis dalam aspek usuluddin, sebahagiannya pula dalam perkara furuk, sebahagiannya dalam aspek jihad, sebahagiannya dalam bab zuhud, sebahagiannya dalam perkara adab dan sebahagiannya dalam perkara-perkara lain.

Imam al-Nawawi sendiri pula telah beristikharah kepada Allah SWT, mengumpulkan 40 hadis ini sebagai mengikuti para imam yang terkemuka dan para *huffaz*. Imam al-Nawawi telah mengambil inisiatif untuk menghimpunkan hadis-hadis yang lebih penting daripada semua bab yang disebutkan, iaitu hadis-hadis yang merangkumi semua perkara tersebut.

Setiap hadis yang dihimpunkan Imam al-Nawawi ini menjadi asas kepada kaedah-kaedah agama yang penting dan para ulama menyifatkan hadis-hadis tersebut sebagai paksi agama Islam atau yang seumpamanya. Oleh sebab kepentingan himpunan ini, ramai sekali para ulama yang telah mensyarahkan himpunan hadis 40 Imam al-Nawawi ini bahkan kitab ini terlalu masyhur dalam kalangan ulama dan orang awam di segenap pelosok dunia.

The background of the slide is a faded, high-angle photograph of a large, historic mosque courtyard. In the foreground, there are large, black and white striped arches and columns. In the distance, a tall, ornate minaret rises above the surrounding buildings. A large crowd of people is visible in the courtyard, some standing and some sitting.

Kata Imam al-Nawawi:

وَيُنَبِّئِي لِكُلِّ رَاغِبٍ فِي الْآخِرَةِ أَنْ يَعْرِفَ هَذِهِ الْأَحَادِيثَ.

“Sewajarnya bagi semua orang yang mencintai akhirat untuk mengenali hadis-hadis ini.”